
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/04

September/Oktober 2003

IEK 314 - AUDIT PERSEKITARAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Anda dilantik untuk mengaudit satu kilang batik. Sebelum anda memulakan audit apakah jenis penilaian serta langkah-langkah yang anda akan atau harus lakukan dahulu?

(20 markah)

2. Apakah protokol audit yang anda akan ambil untuk tugas yang diberikan dalam soalan (1)?

(20 markah)

3. (a) Apabila sampai ke penghujung audit dan data serta maklumat telah diproses dan dianalisis, bagaimanakah anda akan menutupi atau mengakhiri aktiviti audit anda?

(10 markah)

- (b) Laporan perlu diserahkan. Bagaimanakah anda akan menyediakan kandungan laporan tersebut?

(10 markah)

4. (a) Berikan dua (2) istilah audit.

(4 markah)

- (b) Apakah di antara sebab sesetengah industri/individu tak yakin dengan audit?

(8 markah)

- (c) Untuk mengatasi masalah pandangan negatif tentang audit, apakah hujah yang anda boleh berikan untuk menyakinkan sesebuah industri untuk menjalankan audit.

(8 markah)

5. (a) Bagaimanakah anda akan memilih ahli kumpulan audit jika anda menjadi ketua audit? Dan apakah pula ciri yang seharusnya ada pada anda?

(10 markah)

- (b) Berikan maklumat atau dokumen yang anda harus nilai jika anda ingin mengaudit bahan kimia.

(10 markah)

6. Satu kilang petrokimia telah didenda oleh Jabatan Alam Sekitar kerana tidak mematuhi tahap effluen yang ditetapkan dalam Akta Alam Sekeliling 1974. Anda telah dilantik sebagai juruaudit untuk menyelesaikan masalah mereka. Lakarkan proses dari mula hingga akhir aktiviti audit anda.

(20 markah)